MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN
Peti Surat 221, 90702 Sandakan
Tel: 089-275400 sam. 712
www.mps.sabah.gov.my

Borang ULK12: PENDAFTARAN SISTEM PRABAYAR LETAK KERETA

Nama Pemilk Berdaftar Kenderaan:

Nombor kad pengenalan:

Alamat:

Nombor kereta:

Nombor telefon bimbit:

E-mail:

Saya mengaku bahawa semua maklumat yang dinyatakan di atas adalah benar. Saya juga mengaku telah membaca dan faham serta bersetuju akan terma dan syarat yang disenaraikan di bawah.

_____ Tandatangan

_____ Tarikh

TERMA DAN SYARAT

1. Pemohon mestilah tidak mempunyai tunggakan hutang letak kereta.
2. Pemohon mestilah pemilik berdaftar kenderaan. Jika kenderaan milik syarikat atau pertubuhan, pemohon mesti berjawatan pengurus atau seumpamanya dan mestilah ada cop rasmi syarikat atau pertubuhan di sebelah ruang tandatangan.
3. Nilai prabayar adalah RM30.00, RM50.00, RM100.00 dan RM300.00 sahaja. Bayaran Cukai Kastam sebanyak 6% akan dikenakan dan ianya tidak dikira sebagai nilai prabayar.
4. Satu akaun hanya boleh digunakan untuk satu (1) kenderaan sahaja. Akaun akan diaktifkan berkuatkuasa pada tarikh pendaftaran dibuat.
5. Selepas didaftarkan, mana-mana tiket letak kereta yang dikenakan ke atas kereta pengguna berkenaan akan didebit secara automatik daripada akaun pengguna. Proses ini berterusan sehingga akaun pengguna kehabisan nilai. Untuk memastikan akaun terus aktif, pengguna dikehendaki menambah nilai dalam akaun (*top up*).
6. Tambahan nilai (*top up*) boleh dilakukan di pejabat Unit Letak Kereta MPS atau di mana-mana pondok pembayaran letak kereta yang terpilih. Pengguna hanya perlu maklumkan nombor kenderaan kepada kakitangan yang bertugas.
7. Akaun pelanggan akan dikemas kini dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh Nota Makluman dikeluarkan.
8. Penyata pembayaran akan dihantar setiap bulan melalui email atau pelanggan boleh juga mendapatkannya di kaunter pejabat Unit Letak Kereta MPS. Bayaran perkhidmatan sebanyak RM1.00 akan dikenakan untuk penyata setiap bulan. Pihak Majlis hanya akan mencetak penyata akaun untuk maksima tiga (3) bulan sahaja.
9. Para pengguna bertanggungjawab menyemak akaun masing-masing dari semasa ke semasa. Jika terdapat sebarang keraguan, para pengguna haruslah memaklumkan pejabat Unit Letak Kereta MPS dengan seberapa segera. Sekiranya tiada aduan diterima dalam tempoh 15 hari pada bulan berikutnya, maka penyata akaun tersebut dianggap betul.
10. Jika baki wang di dalam akaun kurang daripada nilai Nota Makluman, Nota Makluman yang tetinggal akan kembali kepada sistem yang asal yakni akan dikenakan surcaj jika melebihi dua puluh satu (21) hari.
11. Tidak ada pengembalian semula wang untuk Tiket Prabayar yang telah dibeli oleh pelanggan.
12. Penukaran nombor kenderaan boleh dilakukan tetapi mestilah di pejabat Unit Letak Kereta MPS.
13. Wang yang tidak digunakan melebihi satu (1) tahun akan lupus dengan sendirinya tanpa sebarang notis.
14. Pihak Majlis berhak menambah atau mengubah suai mana-mana terma atau syarat tersebut di atas dari masa ke semasa jika difikirkan perlu.
15. Jika terdapat sebarang kemusykilan, sila datang ke pejabat Unit Letak Kereta MPS atau telefon 089-275400 sam. 712.

NOTA: Borang yang sudah dilengkapkan hendaklah dihantar ke kaunter pejabat Unit Letak Kereta, Tingkat Bawah, Wisma Warisan, Majlis Perbandaran Sandakan.